

**KAMARIAH ALI & YANG LAIN***a***lwn.****KERAJAAN NEGERI KELANTAN & SATU LAGI***b*

MAHKAMAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR

AHMAD FAIRUZ KHN

MOHD NOOR AHMAD HMP

PAJAN SINGH GILL HMP

RAHMAH HUSSAIN HMP

RICHARD MALANJUM HMR

[RAYUAN SIVIL NO: 01-7-2002(D) - 01-10-2002(D)]

*c*

21 JULAI 2004

**UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN:** Kebebasan-kebebasan asasi - *Habeas corpus* - Pengisytiharan bahawa perayu-perayu telah keluar dari agama Islam - Perayu-perayu dijatuhi hukuman penjara oleh Mahkamah Tinggi Syariah kerana gagal mematuhi perintah Mahkamah Rayuan Syariah terhadap kesalahan mereka dulu - Sama ada kesalahan dilakukan oleh perayu-perayu ketika masih beragama Islam - Sama ada mereka selayaknya dibawa ke hadapan Mahkamah Syariah - Sama ada isu perayu-perayu berhak keluar dari agama Islam relevan

*d*

**UNDANG-UNDANG ISLAM:** Mahkamah Syariah - Bidangkuasa - Perayu-perayu dijatuhi hukuman penjara oleh Mahkamah Tinggi Syariah kerana gagal mematuhi perintah Mahkamah Rayuan Syariah terhadap kesalahan mereka dulu - Sama ada kesalahan dilakukan oleh perayu-perayu ketika masih beragama Islam - Sama ada mereka selayaknya dibawa ke hadapan Mahkamah Syariah - Sama ada isu perayu-perayu berhak keluar dari agama Islam relevan

*f*

**TAFSIRAN STATUT:** Pentafsiran statut - Pendekatan maksud - Perayu-perayu dijatuhi hukuman penjara oleh Mahkamah Tinggi Syariah kerana gagal mematuhi perintah Mahkamah Rayuan Syariah terhadap kesalahan mereka dulu - Sama ada kesalahan dilakukan oleh perayu-perayu ketika masih beragama Islam - Sama ada mereka selayaknya dibawa ke hadapan Mahkamah Syariah - Sama ada isu perayu-perayu berhak keluar dari agama Islam relevan

*g*

Perayu-perayu telah, dalam tahun 1992, disabitkan di bawah s. 69 Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan 1966 kerana melakukan perkara-perkara yang berlawanan dengan hukum syarak dan dikenakan hukuman penjara selama dua tahun. Mereka merayu terhadap hukuman itu kepada Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan, dan pada tahun 1996, mahkamah tersebut telah mengesahkan sabitan itu tetapi mengantikan

*h**i*

- a hukuman penjara dengan hukuman yang memerlukan mereka masing-masing mengikat jamin berkelakuan baik antara tiga hingga lima tahun. Mereka juga masing-masingnya dikehendaki melaporkan diri di Pejabat Qadhi Jajahan setiap bulan untuk melafazkan taubat di dalam tempoh yang berkenaan. Pada tahun 1998, perayu-perayu membuat surat akuan di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 dalam mana mereka mengakui telah keluar dari agama Islam dengan kerelaan hati mereka masing-masing. Pada tahun 2000, perayu-perayu telah dituduh di Mahkamah Tinggi Syariah melakukan kesalahan gagal mematuhi perintah Mahkamah Rayuan Syariah dan dijatuhi hukuman penjara tiga tahun. Perayu-perayu telah memfailkan permohonan untuk *habeas corpus* dan untuk pengisytiharan bahawa mereka sudah keluar dari Islam di Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Mahkamah Tinggi menolak permohonan ini dan rayuan perayu-perayu selanjutnya ke Mahkamah Rayuan juga ditolak. Perayu-perayu kemudiannya merayu ke mahkamah ini.

- Diputuskan (menolak rayuan)**  
**Oleh Ahmad Fairuz KHN:**
- [1] Dengan mengambil pendekatan maksud, masa yang material untuk menentukan sama ada perayu-perayu adalah orang yang menganut agama Islam ialah masa ketika mana perayu-perayu melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan 1966. Oleh itu, walaupun perayu-perayu telah mengisytiharkan mereka murtad pada tahun 1998, mereka selayaknya dibawa ke hadapan Mahkamah Syariah pada tahun 2000 kerana ia berkaitan suatu kesalahan yang telah dilakukan ketika perayu-perayu masih beragama Islam. Jika pendekatan maksud tidak diambil, orang-orang Islam yang menghadapi pertuduhan di Mahkamah Syariah boleh sewenang-wenangnya menimbulkan pembelaan yang mereka bukan lagi seorang yang menganut agama Islam dan dengan demikian tidak tertakluk kepada bidangkuasa Mahkamah Syariah. Keadaan sebegini akan menjelaskan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia dan mungkin juga undang-undang agama lain. Dari taakulan dan pendekatan yang telah diambil, nyatalah bahawa isu perayu-perayu berhak keluar dari agama Islam adalah tidak relevan. (ms 422 f-h & 423 a)

**[English Translation Of Headnote]**

- h** The appellants were, in 1992, convicted under s. 69 of the Council of Islamic Religion and Malay Custom, Kelantan, Enactment 1966 of committing acts that contravened the principles of "syarak" and sentenced to two years in prison. They appealed against the sentence to the Syariah Court of Appeal, Kelantan, and in 1996, the court affirmed the conviction but substituted the prison

i

sentence with another releasing them on bail and requiring them to be on good behaviour for a period of three to five years. They were also required to report to the District Qhadi's Office every month to express repentance during that same period of time. In 1998, the appellants wrote a letter of declaration under the Statutory Declarations Act 1960 in which they declared that they had converted out of Islam of their own free will. In 2000, the appellants were charged in the Syariah High Court for failing to follow the orders of the Syariah Court of Appeal and were sentenced to three years in prison. The appellants filed an application for *habeas corpus* and for a declaration in the High Court of Kota Bahru that they had converted out of Islam. The High Court dismissed the application and the appellants' subsequent appeal to the Court of Appeal was also dismissed. The appellants then appealed to this court.

**Held (dismissing the appeal)**

**Per Ahmad Fairuz CJ (Malaya):**

[1] Taking the purposive approach, the material time for deciding whether the appellants were practising Muslims was that in which the appellants committed the offence under the Council of Islamic Religion and Malay Custom, Kelantan, Enactment 1966. Therefore, although the appellants declared that they were apostates in 1998, they were rightly brought before the Syariah Court in 2000 because it was in relation to an offence committed when the appellants were still Muslims. If the purposive approach were not to be taken, Muslims that are charged in the Syariah Court could conveniently raise the defence that they are not practising Muslims and thus not subject to the jurisdiction of the Syariah Court. Such a situation would affect the administration of Islamic law in Malaysia and perhaps even the laws of other religions. From the reasoning and approach taken, it was clear that the issue of whether the appellants had the right to convert out of Islam was irrelevant.]

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Ainsbury v. Millington [1987] 1 All ER 929 (diikuti)*

*Dalip Kaur v. Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam & Anor [1991] 3 CLJ 2768; [1991] 1 CLJ (Rep) 77 SC (dirujuk)*

*Dato' Menteri Othman Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi Syed Idrus [1984] 1 CLJ 28; [1984] 1 CLJ (Rep) 98 FC (dirujuk)*

*Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v. Nordin Salleh & Anor [1992] 2 CLJ 1125; [1992] 1 CLJ (Rep) 72 SC (dirujuk)*

*DYTM Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah v. Dikim Holdings Sdn Bhd & Anor [2002] 2 CLJ 57 FC (dirujuk)*

*Lam Kong Co Ltd v. Thong Guan Co Ptd Ltd [2000] 3 CLJ 769 FC (dirujuk)*

*Lily Thomas & Ors v. Union of India & Ors [2000] 6 SCC 224 (diikuti)*

a

b

c

d

e

f

g

h

i

- a** *Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor v. Jamaluddin Othman [1989] 1 CLJ 1044; [1989] 1 CLJ (Rep) 105 SC (diikuti)*  
*Mohd Habibullah Mahmood v. Faridah Dato' Talib [1993] 1 CLJ 264 SC (dirujuk)*  
*PP v. David John White [1940] MLJ 214 (dirujuk)*  
*Raphael Pura v. Insas Bhd & Anor [2003] 1 CLJ 61 FC (diikuti)*  
*Sarla Mudgal v. Union of India [1995] 3 SCC 635 (dirujuk)*
- b** *Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor [1999] 2 CLJ 5 FC (dirujuk)*  
*Sri Kelangkota – Rakan Engineering JV Sdn Bhd & Anor v. Arab Malaysian Prima Realty Sdn Bhd & Ors [2003] 3 CLJ 349 FC (diikuti)*  
*The Minister for Human Resources v. Thong Chin Yoong & Another Appeal [2001] 3 CLJ 933 FC (dirujuk)*
- c** **Perundangan yang dirujuk:**  
 Courts of Judicature Act 1964, ss. 68(1)(a), 78  
 Council of the Religion of Islam and Malay Custom, Kelantan, Enactment 1994, ss. 2, 102(1), (2), (3)  
**d** Council of Islamic Religion and Malay Custom, Kelantan, Enactment 1966, s. 69  
 Federal Constitution, arts. 11(1), (3)(a), 74(2), 121(1A), 181, 182, 183

- f** *Bagi pihak perayu-perayu - Malik Imtiaz (Haris Ibrahim, Ang Hean Leng & Nor Isma Ismail); T/n Haris & Co*  
*Bagi pihak responden-responden - Abdul Gani Patail (Azhar Mohamed, Azizah Nawawi & Che Muhd Ruzima Ghazali); Jabatan Peguam Negara*

**e** *[Rayuan dari Mahkamah Rayuan, Rayuan Sivil No: D-01-12-2001 - D-01-15-2001]*  
*Dilaporkan oleh Suresh Nathan*

#### **PENGHAKIMAN**

- f** **Ahmad Fairuz KHN:**  
 Terdapat lapan rayuan di hadapan mahkamah ini. Empat darinya adalah terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak rayuan perayu-perayu untuk mendapatkan perintah pengisytiaran manakala empat yang lain itu melibatkan permohonan untuk *habeas corpus*.
- g** Rayuan-rayuan ini mula-mulanya didengar di hadapan panel lima (5) hakim Mahkamah Persekutuan. Pada akhir pendengaran itu, keputusan mahkamah ini telah ditangguhkan kesuatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Pada 19 Mei 2004 YA Haji Mohd. Noor bin Hj. Ahmad telah bersara. Dengan demikian, keputusan mahkamah ini adalah keputusan sebulat suara oleh panel empat (4) hakim Mahkamah Persekutuan di bawah s. 78 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang berbunyi:

**i**

(1) If, in the course of any proceeding, or, in the case of a reserved judgment, at any time before delivery of the judgment, any Judge of the Court hearing the proceeding is unable, through illness or any other cause, to attend the proceeding or otherwise exercise his functions as a Judge of that Court, the hearing of the proceeding shall continue before, and judgment or reserved judgment, as the case may be, shall be given by, the remaining Judges of the Court, not being less than two, and the Court shall, for the purposes of the proceeding, be deemed to be duly constituted notwithstanding the absence or inability to act of the Judge as aforesaid.

(2) In any such case as is mentioned in subsection (1) the proceeding shall be determined in accordance with the opinion of the majority of the remaining Judges of the Court, and, if there is no majority the proceeding shall be reheard.

Perayu-perayu telah, dalam tahun 1992, disabitkan di bawah s. 69 Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan 1966 kerana melakukan perkara-perkara yang berlawanan dengan hukum syarak dan dikenakan hukuman penjara selama dua tahun. Terhadap hukuman itu, mereka merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan. Pada tahun 1996 Mahkamah Rayuan Syariah itu telah mengesahkan sabitan itu tetapi menggantikan hukuman penjara dengan hukuman yang memerlukan mereka masing-masing mengikat jamin berkelakuan baik antara tiga hingga lima tahun. Mereka juga masing-masingnya dikehendaki di dalam tempoh yang berkenaan melaporkan diri di Pejabat Qadhi Jajahan setiap bulan untuk melafazkan taubat.

Pada bulan Ogos 1998 perayu-perayu membuat surat akuan di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 dalam mana mereka mengakui telah keluar dari agama Islam dengan kerelaan hati mereka masing-masing.

Pada 5 Oktober 2000 perayu-perayu telah dituduh di Mahkamah Tinggi Syariah, atas notis usul pendakwa syarie, melakukan kesalahan gagal mematuhi perintah Mahkamah Rayuan Syariah yang memerlukan mereka melafazkan taubat. Ketika perbicaraan berlangsung perayu-perayu memaklumkan kepada Mahkamah bahawa mereka telahpun keluar daripada agama Islam. Mahkamah Tinggi Syariah bagaimanapun mensabitkan perayu-perayu atas notis usul pendakwa syarie dan perayu-perayu dijatuhi hukuman penjara tiga tahun. Mereka tidak memfailkan rayuan terhadap hukuman tersebut. Sebaliknya mereka telah memfailkan permohonan untuk habeas corpus dan untuk pengisyiharan di Mahkamah Tinggi Kota Bahru. Sementara itu, pada 19 November 2000 perayu-perayu telah dihadapkan di Mahkamah Tinggi Syariah dengan satu pertuduhan baru iaitu cuba keluar daripada agama Islam. Perayu-perayu belum dibicarakan atas tuduhan ini.

a

b

c

d

e

f

g

h

i

- a Di Mahkamah Tinggi Kota Bharu permohonan perayu-perayu untuk pengisytiharan telah ditolak. Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa, antara lainnya, perayu-perayu belum disahkan murtad mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (Enakmen 1994) dan kerana itu perayu-perayu masih beragama Islam. Justeru itu, perayu-perayu adalah mengikut Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

The courts referred to in Clause (1) shall have no jurisdiction in respect of any matter within the jurisdiction of the Syariah courts.

- c tertakluk kepada bidangkuasa Mahkamah Syariah dan kerana itu Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan permohonan tersebut.

- d Berkenaan permohonan untuk *habeas corpus*, Mahkamah Tinggi Kota Bharu memutuskan bahawa penahanan perayu-perayu di bawah perintah Mahkamah Syariah adalah penahanan yang sah kerana ianya dibuat oleh mahkamah yang kompeten. Lantas permohonan *habeas corpus* itu ditolak oleh Mahkamah Tinggi itu.

Terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kota Bharu itu, perayu-perayu merayu ke Mahkamah Rayuan.

- e Di Mahkamah Rayuan, dua hujjah telah dikemukakan mengenai s. 102 Enakmen 1994. Pertamanya, s. 102 itu dikatakan bercanggah dengan peruntukan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi "Every person has a right to profess and practice his religion and, subject to cl. (4), to propagate it." Keduanya s. 102 itu cuma terpakai kepada muallaf dan oleh sebab perayu-perayu bukan muallaf seksyen itu tidak terpakai kepada mereka.

Mahkamah Rayuan menolak hujjah pertama dan memutuskan bahawa s. 102 yang berbunyi:

- g (1) Tiada seseorangpun yang telah diakui beragama Islam boleh mengaku bahawa dia bukan Islam melainkan setelah Mahkamah memberi pengesahan sedemikian.
- (2) Sebelum Mahkamah membuat pengesahannya, seseorang itu hendaklah dianggap beragama Islam dan segala perkara yang berkaitan dengan Agama Islam adalah terkena ke atasnya.
- h (3) Jika seseorang Islam dengan sengaja cuba sama ada dengan perkataan atau perbuatan hendak keluar dari Agama Islam, Mahkamah bolehlah, jika berpuashati, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi 36 bulan bagi tujuan pendidikan dan orang itu hendaklah diminta bertaubat mengikut Hukum Syarak.

tidak menghalang seseorang Islam keluar daripada agama Islam. Ia cuma memerlukan seseorang Islam yang hendak membuat pengakuan bahawa dia bukan Islam mendapat pengesahan Mahkamah Syariah terlebih dahulu. Ini adalah untuk mengelakkan berlakunya sebarang kekeliruan mengenai sama ada seseorang itu di sisi undang-undang adalah masih Islam atau tidak.

Mengenai hujjah yang kedua, Mahkamah Rayuan bersetuju bahawa s. 102 terpakai kepada muallaf. Seterusnya Mahkamah Rayuan menyatakan:

Tetapi, hakikat bahawa subseksyen (2) seksyen 102 tidak terpakai kepada Perayu-Perayu tidak bererti bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan sama ada seseorang itu beragama Islam atau tidak dan sebaliknya Mahkamah Sivil yang mempunyai bidangkuasa untuk memutuskannya.

...

Sebenarnya, soalan sama ada seseorang itu murtad atau tidak adalah persoalan hukum syarak, bukan undang-undang sivil.

Justeru itu hujjah kedua ini juga ditolak oleh Mahkamah Rayuan.

Pada 5 November 2002 Mahkamah Persekutuan telah memberi kebenaran kepada perayu-perayu untuk merayu di atas persoalan-persoalan berikut:

1. Sama ada hak untuk menganuti agama di bawah Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan merangkumi hak seseorang beragama Islam yang telah mencapai umur majoriti untuk mengisyiharkan keluar dari agamanya.
2. Sama ada undang-undang yang menghadkan atau mengenakan sekatan-sekatan yang lain ke atas hak seseorang (selain dari mereka yang belum mencapai umur majoriti) untuk mengisyiharkan keluar dari agamanya, adalah tidak konsisten dengan Perkara 11(1) Perlembagaan dan dengan demikian tidak sah.
3. Sama ada had atau sekatan yang dikenakan di bawah peruntukan s. 102 (1), (2) dan (3) Enakmen 1994 yang dibaca bersama dengan definisi "Muslim" di bawah s. 2 Enakmen yang sama adalah tidak konsisten dengan Perkara 8, Perkara 11(1) & (5) dan Perkara 74 Perlembagaan dan yang demikian adalah tidak sah.

Teras penghujahan Encik Malik Imtiaz, peguamcara bagi pihak perayu-perayu ialah bahawa Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak seseorang untuk menganuti dan mengamalkan agamanya dan bahawa perkataan "every person" di dalam Perkara 11 itu membawa pengertian yang sangat luas dan merangkumi semua orang termasuk yang beragama Islam. Untuk menyokong

a

b

c

d

e

f

g

h

i

- a* hujahnya Encik Malik merujuk kepada kedudukan undang-undang di peringkat antarabangsa khususnya di negara-negara Komanwel mengenai kebebasan beragama. Encik Malik juga menarik perhatian mahkamah kepada fakta bahawa Malaysia telah meratifikasi suratcara-suratcara antarabangsa (international instruments) mengenai hak asasi manusia iaitu Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, Pengisyiharan Sejagat Hak Asasi Manusia, Pengisyiharan Bangkok dan Konvensyen Vienna. Encik Malik menggesa mahkamah memberi kesan kepada doktrin jangkaan munasabah (doctrine of legitimate expectation) berhubung pendirian Malaysia terhadap suratcara-suratcara antarabangsa ini. Merujuk kepada kes *Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v. Nordin bin Salleh & Anor* [1992] 2 CLJ 1125; [1992] 1 CLJ (Rep) 72, Encik Malik seterusnya berhujah bahawa di dalam mentafsir peruntukan Perlombagaan Persekutuan, Mahkamah perlu memastikan bahawa hak-hak asasi yang telah dijamin di bawah Perlombagaan itu tidak menjadi ilusi (illusory) semata-mata.
- b* Encik Malik juga berhujah, adalah tersirat di dalam Perkara 11(1) Perlombagaan Persekutuan bahawa seseorang itu bebas memilih mana-mana agama untuk dianuti dan bahawa konsep memilih merangkumi hak untuk menukar agama atau keluar dari mana-mana agama dan hak ini hanya disekat oleh Perkara 11(5) Perlombagaan Persekutuan yang berbunyi:
- c* This article does not authorize any act contrary to any general law relating to public order, public health or morality.
- d* Tindakan perayu-perayu keluar dari agama Islam, tegas Encik Malik, tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral (public order, public health or morality) dan dengan demikian tidak melanggar Perkara 11(5) Perlombagaan Persekutuan.
- e* Mengenai s. 102 Enakmen 1994, Encik Malik menekankan bahawa peruntukan itu memerlukan seseorang yang telah diakui beragama Islam tidak boleh mengaku dirinya bukan Islam melainkan setelah Mahkamah Syariah membuat pengesahan sedemikian. Ini, tegas beliau, merupakan suatu sekatan kepada hak kebebasan beragama dan dengan demikian adalah bertentangan dengan Perkara 11(1) Perlombagaan Persekutuan. Encik Malik merujuk kepada kes *Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor v. Jamaluddin bin Othman* [1989] 1 CLJ 1044; [1989] 1 CLJ (Rep) 105 di mana Mahkamah Agung mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan permohonan responden untuk writ *habeas corpus*. Ungkapan yang relevan dalam penghakiman Mahkamah Tinggi itu berbunyi:
- f*

Although under s. 8(1) of the Internal Security Act the minister may detain a person with a view to preventing that person from ‘acting in any manner’ prejudicial to the security of Malaysia, I am of the view the minister has no power to deprive a person of his right to profess and practice his religion which is guaranteed under art 11 of the Constitution. If the minister acts to restrict the freedom of a person from professing and practicing his religion, his act will be inconsistent with the provision of art 11 and therefore any order of detention will not be valid.

a

Kalau pun, tegas Encik Malik lagi, s. 102 itu dianggap sebagai suatu proses atau prosedur, maka proses atau prosedur itu sendiri adalah bercanggah dengan Perkara 11(1) kerana mahkamah tidak sepatutnya membuat keputusan sama ada seseorang itu boleh keluar atau tidak daripada agama Islam. Encik Malik seterusnya berhujjah bahawa perayu-perayu telah mengisyiharkan diri mereka keluar daripada agama Islam. Kerana itu Mahkamah Syariah tidak lagi mempunyai bidangkuasa ke atas Perayu-Perayu.

b

c

Encik Malik juga berhujjah bahawa keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor* [1999] 2 CLJ 5 adalah cacat (flawed) kerana keputusan itu tidak mempertimbangkan peruntukan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan manakala kes *Dalip Kaur v. Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam & Anor* [1991] 3 CLJ 2768; [1991] 1 CLJ (Rep) 77 pula mengikut Encik Malik tidak menetapkan prinsip bahawa Mahkamah Sivil tidak boleh memutuskan isu sama ada seseorang itu beragama Islam atau tidak.

d

e

f

Di dalam hujjahannya, Peguam Negara bagi pihak responden kedua menarik perhatian mahkamah kepada fakta bahawa perayu-perayu membuat pengisyiharan untuk keluar daripada agama Islam hanya selepas mereka disabitkan dengan kesalahan di Mahkamah Syariah. Justeru itu, timbulah persoalan sama ada tindakan mereka adalah benar-benar ikhlas untuk keluar daripada agama Islam atau semata-mata untuk mengelak daripada hukuman oleh Mahkamah Syariah. Peguam Negara berhujjah bahawa s. 102 Enakmen 1994 adalah hanya sekadar suatu prosedur dan ia bukanlah suatu peruntukan yang menghalang seorang Islam untuk keluar daripada agama Islam. Seterusnya Peguam Negara merujuk kepada Perkara 74(2) dan 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dan menghujjahkan bahawa perkara-perkara berkaitan undang-undang Islam adalah terletak di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Untuk menyokong hujjahnya, Peguam Negara merujuk kepada kes *Mohd. Habibullah bin Mahmood v. Faridah bt. Dato' Talib* [1993] 1 CLJ 264 di mana di ms 271 Mahkamah Agung menyatakan:

g

h

i

- a* Taking an objective view of the Constitution, it is obvious from the beginning that the makers of the Constitution clearly intended that the Muslims in this country shall be governed by Islamic Family Law as evident from the Ninth Schedule to the Constitution: see Item 1 of the State List:
- b* Muslim Law and personal and family law of persons professing the Muslim religion ... the constitution, organization and procedure of Muslim Courts ... the determination of matters of Muslim Law and doctrine and Malay custom.
- c* ... What Article 121(1A) has done is to grant exclusive jurisdiction to the Syariah Courts in the administration of such Islamic Laws. In other words, Article 121(1A) is a provision to prevent conflicting jurisdictions between the Civil and the Syariah Courts.
- d* Lagi pula, kata Peguam Negara, Perkara 11(3)(a) Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada setiap kumpulan agama untuk mengendalikan hal ehwal agamanya sendiri ("Every religious group has the right to manage its own religious affairs").
- e* Penghujahan bahawa perkataan 'the right to renounce' hendaklah dibaca sebagai tersirat di dalam Perkara 11(1) akan mengakibatkan keadaan bilamana seseorang Islam itu boleh pada bila-bila masa menjadi murtad tanpa pengesahan Mahkamah Syariah. Ini, tegas Peguam Negara, bukanlah pentafsiran yang tepat kerana kesannya ialah menidakkan bidangkuasa Mahkamah Syariah seperti termaktub dalam Perkara-Perkara 74(2) dan 121(1A) Perlembagaan Persekutuan.
- f* Berkennaan dengan suratcara antarabangsa, Peguam Negara berhujah bahawa Mahkamah tidak terikat dengan pendirian pihak Eksekutif di peringkat antarabangsa melainkan peruntukan yang berkenaan dimasukkan ke dalam undang-undang negara. Peguam Negara juga berhujah bahawa apa-apa juar yang dipersetujui di peringkat antarabangsa hanyalah merupakan otoriti berpengaruh (persuasive authority) dan terpakai setakat mana undang-undang negara tidak lengkap atau tidak jelas.
- g* Mengenai soalan sama ada undang-undang yang mengenakan sekatan ke atas seseorang yang mengisyiharkan keluar daripada agamanya adalah tidak sah, Peguam Negara mengatakan bahawa soalan itu adalah umum dan hanya suatu andaian (hypothetical) kerana perayu-perayu tidak mengenalpasti peruntukan undang-undang yang berkaitan dan dengan itu tidak perlu dijawab oleh Mahkamah ini. Peguam Negara merujuk mahkamah ini kepada kes *Sri Kelangkota – Rakan Engineering JV Sdn Bhd & Anor v. Arab Malaysian Prima Realty Sdn Bhd & Ors* [2003] 3 CLJ 349.
- i*

Begitu juga dengan soalan sama ada s. 102(1), (2) dan (3) Enakmen 1994 bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Mengikut Peguam Negara soalan itu juga soalan andaian dan tidak perlu dijawab oleh Mahkamah kerana s. 102 tidak terpakai kepada perayu-perayu. Seksyen 102 adalah peruntukan berkaitan muallaf sedangkan perayu-perayu adalah dilahirkan sebagai orang Islam.

Jelas dari penghujahan-penghujahan yang diketengahkan itu, isu yang perlu diputuskan ialah sama ada perayu-perayu masih beragama Islam ketika mereka dihadapkan di Mahkamah Tinggi Syariah atas kegagalan mereka mematuhi perintah Mahkamah Rayuan Syariah untuk bertaubat. Mengikut Jadual Kesembilan Senarai II – Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa ke atas orang yang menganut agama Islam (persons professing the religion of Islam).

Perkataan-perkataan “orang yang menganut agama Islam” jika dibaca secara literal akan membawa maksud bahawa perayu-perayu, setelah membuat akuan keluar daripada agama Islam, adalah bukan lagi orang yang menganut agama Islam dan oleh yang demikian mereka tidaklah tertakluk di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah. Persoalannya kini ialah apakah bacaan literal ini patut dipakai? Dalam hal ini Mahkamah ini merujuk kepada kes *Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v. Nordin bin Salleh & Anor* [1992] 2 CLJ 1125; [1992] 1 CLJ (Rep) 72:

Secondly, as the Judicial Committee of the Privy Council held in *Minister of Home Affairs v. Fisher* ([1980] AC 319) at p 329, a constitution should be construed with less rigidity and more generosity than other statutes and as *sui juris*, calling for principles of interpretation of its own, suitable to its character but not forgetting that respect must be paid to the language which has been used.

In this context, it is worth recalling what Barwick CJ said when speaking for the High Court of Australia, in *Attorney General of the Commonwealth, ex relatione McKinley v. Commonwealth of Australia* [1975] 135 CLR1 at p. 17:

the only true guide and the only course which can produce stability in constitutional law is to read the language of the constitution itself, no doubt generously and not pedantically, but as a whole and to find its meaning by legal reasoning.

Di dalam kes *Dato' Menteri Othman bin Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus* [1984] 1 CLJ 28; [1984] 1 CLJ (Rep) 98 Raja Azlan Shah Ag LP (as His Royal Highness then was) juga merujuk kepada kes *Minister of Home Affairs v. Fisher* dan menyatakan:

a

b

c

d

e

f

g

h

i

- a A constitution is a legal instrument giving rise, amongst other things, to individual rights capable of enforcement in court of law. Respect must be paid to the languages which has been used and to the traditions and usages which have given meaning to that language.
- b Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Lam Kong Co Ltd v. Thong Guan Co Ptd Ltd* [2000] 3 CLJ 769 telah menggunakan pendekatan maksud (purposive approach) ketika membuat pentafsiran kepada peruntukan s. 68(1)(a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan pendekatan yang sama juga diikuti oleh Mahkamah Persekutuan bagi mentafsir Perkara-Perkara 181, 182 dan 183 Perlembagaan Persekutuan di dalam kes *DYTM Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah v. Dikim Holdings Sdn Bhd & Anor* [2002] 2 CLJ 57. Di dalam kes *DYTM Tengku Idris Shah* itu Haidar HMP berkata di ms 69:

d This purposive approach has now been given statutory recognition by our Parliament enacting s. 17A in the Interpretation Acts 1948 and 1967 (Act 388) which reads:

In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.

- e Berlatarbelakangkan otoriti-otoriti itu, mahkamah ini mengimbas kembali fakta kes dalam rayuan-rayuan di hadapannya. Perayu-perayu telah membuat akuan berkanun mengisyiharkan mereka keluar daripada agama Islam pada bulan Ogos 1998. Mereka dijatuhi hukuman penjara pada 5 Oktober 2000 atas kegagalan mematuhi perintah Mahkamah Rayuan Syariah untuk bertaubat berkaitan kesalahan yang dilakukan sebelum Ogos 1998. Oleh yang demikian, persoalan yang timbul ialah sama ada perkara perayu-perayu mestilah menganut agama Islam ketika hukuman-hukuman dijatuhi ke atas mereka dalam bulan Oktober 2000 itu adalah relevan atau penentu (crucial). Perlu diingat bahawa kesalahan terhadap mana perayu-perayu dihukum adalah dilakukan oleh perayu-perayu sebelum mereka membuat akuan berkanun mengisyiharkan mereka keluar daripada agama Islam.
- f
- g

- h Di dalam kes *Public Prosecutor v. David John White @ Abdul Rahman* [1940] MLJ 214 tertuduh telah pada tahun 1918 berkahwin dengan seorang wanita Kristian di Taiping mengikut upacara Gereja yang diamalkan di England. Pada tahun 1936 ketika isterinya masih hidup, tertuduh berkahwin pula dengan wanita Kristian yang lain mengikut undang-undang Islam setelah tertuduh dan wanita tersebut memeluk agama Islam. Horne, J memutuskan bahawa tertuduh melakukan kesalahan jenayah beristeri lebih daripada satu kerana:
- i

He cannot, therefore, whatever his religion may be, during the subsistence of that monogamous marriage marry or go through a legally recognized form of marriage with other woman and the accused had thus committed the offence of bigamy.

Di dalam kes *Sarla Mudgal v. Union of India* [1995] 3 SCC 635 di ms 647 Kuldip Singh J menyatakan:

We also agree with the law laid down by Chagla, J in *Robasa Khanum v. Khodadad Irani* case wherein the learned Judge has held that the conduct of a spouse who converts to Islam has to be judged on the basis of the rule of justice and right or equity and good conscience ... The second marriage of a Hindu husband after embracing Islam being violative of justice, equity and good conscience would be void on that ground also and attract the provisions of Section 494 IPC. ... Assuming that a Hindu husband has a right to embrace Islam as his religion, he has no right under the Act to marry again without getting his earlier marriage dissolved ...

The interpretation we have given to Section 494 IPC would advance the interest of justice. It is necessary that there should be harmony between the two systems of law just as there should be harmony between the two communities ...

Keputusan *Sarla Mudgal* ini dikatakan mencabul hak kebebasan beragama di India dan berikutan itu petisyen telah difaiklan di Mahkamah Agung untuk mengkaji semula keputusan tersebut. Di dalam kes *Lily Thomas & Others v. Union of India & Others* [2000] 6 SCC 224 di ms 239 Saghir Ahmad J menyatakan:

In order to avoid the clutches of Section 17 of the Act, if a person renounces his "Hindu" religion and converts to another religion and marries a second time, what would be the effect on his criminal liability is the question which may now be considered.

Di ms 245 YA Hakim menyatakan:

Religion, faith or devotion are not easily interchangeable. If a person feigns to have adopted another religion just for some worldly gain or benefit, it would be religious bigotry. Looked at from this angle, a person who mockingly adopts another religion where plurality of marriage is permitted so as to renounce his previous marriage and desert his wife, cannot be permitted to take advantage of his exploitation as religion is not a commodity to be exploited.

a

b

c

d

e

f

g

h

i



a Di ms 251 Sethi J pula menyatakan:

In review petition the notice issued was limited to the question of Article 20(1) of the Constitution. It was contended that the judgment of the Court entailed on a convert to Islam the liability of prosecution for the offence of bigamy under Section 494 of the Indian Penal Code which would, otherwise not be an offence under the law applicable to him.

b YA di ms 253-254 menyambung demikian:

c The alleged violation of Article 21 is misconceived. What is guaranteed under Article 21 is that no person shall be deprived of his life and personal liberty except according to the procedure established by law. It is conceded before us that actually and factually none of the petitioners has been deprived of any right of his life and personal liberty so far. The aggrieved persons are apprehended to be prosecuted for the commission of offence punishable under Section 494 IPC. It is premature, at this stage, to canvass that they would be deprived of their life and liberty without following the procedure established by law ...

e The grievance that the judgment of the Court amounts to violation of the freedom of conscience and free profession, practice and propagation of religion is also far-fetched and apparently artificially carved out by such persons who are alleged to have violated the law by attempting to cloak themselves under the protective fundamental right guaranteed under Article 25 of the Constitution. No person, by judgment impugned, has been denied the freedom of conscience and propagation of religion.

f Mahkamah ini bersetuju dengan ungkapan-ungkapan penghakiman yang telah dibentangkan di atas. Membuat akuan berkanun dan mengisyiharkan mereka bukan lagi menganut agama Islam tidak dengan sendirinya melepaskan perayu-perayu daripada pertuduhan yang ada di Mahkamah Syariah. Dengan mengambil pendekatan maksud, Mahkamah berpendapat bahawa masa yang material untuk menentukan sama ada perayu-perayu adalah orang yang menganut agama Islam ialah masa ketika mana perayu-perayu melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Oleh itu walau pun perayu-perayu telah mengisyiharkan mereka murtad pada tahun 1998, mereka selayaknya dibawa ke hadapan Mahkamah Syariah pada tahun 2000 kerana ia berkaitan suatu kesalahan yang telah dilakukan ketika perayu-perayu masih beragama Islam. Jika pendekatan maksud tidak diambil, orang-orang Islam yang menghadapi pertuduhan di Mahkamah Syariah boleh sewenang-wenangnya menimbulkan pembelaan yang mereka bukan lagi seorang yang menganut agama Islam dan dengan demikian tidak tertakluk kepada bidangkuasa Mahkamah Syariah. Keadaan sebegini akan menjaskan pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia dan mungkin juga undang-undang agama lain.

i

Dari taakulan dan pendekatan yang telah kami ambil di atas, nyatalah bahawa soal atau isu perayu-perayu berhak keluar dari agama Islam adalah tidak relevan. Mahkamah ini bersetuju dengan Mahkamah Rayuan bahawa tugas mahkamah adalah untuk memutuskan kes di hadapannya berasaskan fakta yang dikemukakan dan juga bersetuju dengan pernyataan Lord Bridge di dalam kes *Ainsbury v. Millington* [1987] 1 All ER 929 bahawa:

It has always been a fundamental feature of our judicial system that the Courts decide disputes between the parties before them; they do not pronounce on abstract questions of law when there is no dispute to be resolved.

Di dalam kes *The Minister for Human Resources v. Thong Chin Yoong (And Another Appeal)* [2001] 3 CLJ 933 dan di dalam penghakiman majoriti kes *Raphael Pura v. Insas Berhad & Anor* [2003] 1 CLJ 61 mahkamah ini memutuskan untuk tidak menjawab soalan yang dikemukakan walaupun kebenaran untuk merayu di atas soalan tersebut telah diberikan. Di dalam kes *Sri Kelangkota – Rakan Engineering JV Sdn Bhd, supra*, Abdul Malek Ahmad HMP menyatakan di ms 369:

The questions merely relate to the set of facts in the appeal and the application of the settled principles of law as is plain from the judgment of the Court of Appeal. As such, they do not come within the ambit of s. 96(a) of the CJA and, therefore, there is no necessity or purpose for this court to answer the questions posed regardless of the fact that leave to appeal has in fact been granted at an earlier hearing.

Berpandukan fakta di hadapan mahkamah ini, kami sebulat suara berpendapat soalan-soalan (1), (2) dan (3) tidak perlu dijawab walaupun kebenaran untuk merayu di atas soalan-soalan tersebut telah diberikan oleh mahkamah ini. Justeru itu, rayuan perayu-perayu adalah dengan ini ditolak dengan kos di sini dan di mahkamah bawah dan deposit dibayar kepada responden untuk akaun kos yang dicukai.

*a*

*b*

*c*

*d*

*e*

*f*

*g*

*h*

*i*

